



AL-HUDA

الهدى

NASKAH PERCUMA

Keluaran 15. Bil. 1/2020

AGAMA & HIEZ AD-DIN

Ruangan
Tokoh

**DATO' HAJI MD. SALEH
BIN HAJI MD. @ HAJI AHMAD**
(Ahli Jawatankuasa Fatwa Pulau Pinang 2000-2019)





Fakhurrazi bin Md Mahdzir
 Penolong Mufti Kanan (Rujukan Maklumat)
 fakhurrazi_mahdzir@penang.gov.my

Pena Editor

Alhamdulillah, setinggi kesyukuran dipanjat ke hadrat Ilahi atas perkenan dan kurnia-Nya buletin al-Huda dapat diteruskan penerbitan untuk tahun 2020 ini.

Suatu ketika dahulu angka 2020 ini sering dikaitkan dengan ke arah menjadi sebuah negara yang maju dengan dibantu oleh teknologi yang terkini. Bagi generasi yang berada bersama ketika pelancaran wawasan 2020, pasti terbayang ketika itu bahawa tahun 2020 akan membawa banyak perubahan. Maka hari ini, kita telah menjejaki ke tahun 2020 dan sudah tentu kita juga telah bergerak ke arah perubahan tersebut.

Tahun 2020 telah memberikan impak yang begitu mengejutkan. Beberapa perkara pasti akan tertulis dalam lipatan sejarah tahun 2020 nanti, kerana peristiwa yang berlaku adalah di luar jangkaan. Sebagai umat Islam sudah pasti kita harus bersedia menerima apa yang berlaku kerana ia adalah suatu qada' dan qadar yang telah ditentukan oleh Allah ﷻ.

Setiap apa yang berlaku merupakan satu ujian dan peringatan daripada Allah ﷻ kepada umatnya. Setiap yang berlaku itu ada hikmah dan pengajaran yang tersendiri.

Dalam isu Covid-19 yang melanda negara dan dunia ketika ini, sebenarnya telah membuka suatu ruang peluasan ilmu Islam khususnya berkaitan dengan pandangan hukum. Contohnya, para ulama dan ilmuan Islam dapat membuat penyelidikan tentang cara ibadah ketika ancaman ke atas nyawa berlaku. Ternyata perluasan hukum Islam itu amat luas sekali, malah telah ada beberapa pandangan hukum yang berkaitan telah pun diberikan oleh ulama terdahulu berkaitan dengan isu-isu sebegini yang boleh dijadikan rujukan. Begitulah indahnya ajaran Islam yang sesuai dengan setiap peredaran zaman.

Adalah diharapkan kita semua dapat mengambil iktibar atas peristiwa yang telah berlaku dan sentiasa bermuhasabah diri agar kita dapat menjadi umat yang bertakwa. Semoga segala paparan yang dimuatkan dalam al-Huda pada kali ini dapat meningkatkan lagi pengetahuan dan keimanan kita semua.

Kandungan AL-HUDA

- 2 Pena Editor
- 3 Bicara Mufti
- 5 Fokus: *Hifz Nafs* dalam Menghadapi Ujian
- 7 Warta Kerajaan:
Fatwa Mengenai Memasukkan Perkataan 'Islam' Di Dalam Kad Pengenalan Selepas Memeluk Agama Islam Bagi Mualaf/Saudara Baru
- 8 Lensa Al-Huda
- 9 Al-Quran/Falak:
Norma Baharu & Hilal Termuda
- 10 Ruangan Minda
- 11 Tokoh:
Haji Mohd Saleh bin Haji Ahmad
- 13 Berita Jabatan/Aktiviti Jabatan
- 18 Kemusykilan Agama:
-Mengucapkan 'Rest In Peace'
-Syahadat Ulangan
- 20 Pentadbiran

Sidang Redaksi

PENAUNG
 Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor
 (Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang)

PENASIHAT
 Haji Yusoff bin Haji Abu Bakar
 (Timbalan Mufti Negeri Pulau Pinang)

KETUA EDITOR
 Fakhurrazi bin Md. Mahdzir

PENOLONG KETUA EDITOR
 Fairus Ain binti Abdul Aziz

SIDANG PENOLONG EDITOR
 Azwati binti Zainol Abidin
 Mohd Ferdaus bin Hashim
 Norfazilah binti Mohd Lidi

FOTOGRAFI
 Siti Asmah binti Abdul Manap



Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
wansalim@penang.gov.my

HADAPI UJIAN DENGAN TENANG DAN SABAR

Islam merupakan agama bagi semua para Nabi termasuk Nabi Muhammad ﷺ. Agama yang berteraskan kepada akidah yang satu dengan menjadikan Allah ﷻ sebagai Tuhan yang Maha Esa dan tidak ada sekutu bagi-Nya. Selain itu, Islam adalah agama yang syumul, yang merangkumi segenap aspek kehidupan manusia yang tidak hanya terhad kepada akidah, ibadah dan akhlak, tetapi juga turut merangkumi aspek muamalat. Kesyumulan Islam itu terlihat pada kesempurnaan ajaran yang

terkandung di dalamnya, logik dan tidak terikat pada suatu zaman sahaja tetapi bersesuaian dengan setiap perubahan zaman yang berlaku.

Allah ﷻ berfirman dalam surah Al-Ma'idah ayat 3 bermaksud:

“Pada hari ini, Aku sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku cukupkan nikmat-Ku kepada kamu dan Aku redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu.”

Keindahan syariat Islam diserlahkan lagi melalui maqasid syariah yang lima iaitu dengan menekankan aspek penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Berpandukan kepada maqasid yang 5 ini, syariat Islam memimpin umatnya menatijahkan suatu kehidupan yang makmur, harmoni dan sejahtera.

Covid-19

Pada masa kini, seluruh dunia dikejutkan dengan penularan virus Covid-19. Penularan wabak Covid-19 kini merupakan fenomena yang merebak di seluruh muka bumi. Sehingga kini sudah ratusan ribu manusia yang dijangkiti oleh wabak ini dan sudah banyak pula jiwa yang terkorban disebabkan jangkitan tersebut. Penularannya begitu pantas sehingga seluruh dunia menjadi kelam kabut dan berada dalam keadaan resah dan gusar. Kesemua negara terpaksa menghadapi fenomena global ini dengan mengambil langkah-langkah pencegahan yang drastik supaya penularannya dapat dikawal dan seterusnya dihentikan sama sekali.

Namun sebagai umat Islam kita perlu sedar dan memahami bahawa tidak berlaku sesuatu di langit atau di bumi melainkan dengan kehendak Allah ﷻ. Bila hakikat ini difahami dan dihayati maka ia dapat menimbulkan ketenangan di dalam hati. Lebih-lebih lagi bila diketahui bahawa seseorang tidak akan terkena wabak ini tanpa ketentuan daripada Allah ﷻ.

Tentunya kita perlu berikhtiar untuk mengelak dijangkiti dengan apa juga cara yang difikir berkesan termasuk tindakan kuarantin, menjaga kebersihan diri, mengambil pemakanan yang seimbang dan melakukan penjarakan sosial seperti yang diarahkan oleh pihak berwajib.

Dalam situasi wabak Covid-19, di sinilah kita dapat melihat mengapa maqasid syariah menekan prinsip memelihara nyawa (*hifz an-nafs*). Dengan statistik kematian semakin meningkat dan pesakit bertambah akibat pandemik ini, masyarakat sepatutnya memahami mengapa prinsip memelihara nyawa itu penting.

Apabila seseorang itu memahami syariat Islam dengan prinsipnya yang sebenar maka secara tidak langsung ini dapat membantu pihak kerajaan untuk menangani ancaman wabak berkenaan dan mencegahnya daripada terus merebak. Kefahaman yang tepat mengenai Islam akan dapat membekalkan masyarakat dengan kekuatan iman, moral dan rohani supaya mereka mampu menghadapi situasi yang menyusahkan ini dengan berani, tabah dan sabar. Sebagaimana yang diakui oleh para ahli perubatan bahawa jiwa yang tenang dan tabah dapat membantu seseorang meningkatkan daya tahan tubuh untuk menghadapi penyakit.

Perhubungan terus antara sesama manusia merupakan faktor penyebaran wabak ini. Justeru, bagi membendung perkara ini sudah tentu kita juga perlu mengambil langkah-langkah pencegahan dan rawatan seperti menjaga kebersihan dan pemakanan. Langkah kerajaan menggalakkan supaya kita sentiasa membasuh tangan dengan kaedah yang betul merupakan satu usaha untuk menjaga keselamatan nyawa. Ajaran Islam sendiri amat mementingkan kebersihan sehingga ia dijadikan prasyarat untuk keabsahan ibadah. Begitu juga Islam melarang penganutnya daripada memakan makanan-makanan yang boleh memudaratkan kesihatan badan.

Di samping itu agama juga menasihati masyarakat supaya mengambil langkah-langkah perlu untuk menyekat jangkitan wabak penyakit. Dalam sebuah hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim, Nabi ﷺ bersabda yang bermaksud,

“Jika kamu mendengar penyakit ta'un berlaku di satu kawasan maka janganlah kamu memasuki kawasan itu, tetapi jika ia berlaku di kawasan yang kamu sudah berada di situ maka janganlah kamu keluar daripadanya.”

Di sini kita dapati Nabi mengajar kita tentang pentingnya kuarantin dalam mencegah jangkitan penyakit.

Malahan dalam situasi sebegini, demi menjaga keselamatan nyawa, solat berjemaah di masjid termasuk solat Jumaat yang menjadi tuntutan mingguan umat Islam dibenarkan untuk ditangguh sementara sehingga keadaan kembali stabil. Ini menunjukkan indahnya syariat Islam dalam menjaga keselamatan umatnya.

Menjadi umat yang bersabar

Justeru, kita tidak perlu gusar atau berputus asa dalam menghadapi situasi sebegini, sebaliknya cuba memahami hikmah yang tersirat di sebaliknya. Kita juga perlu tahu bahawa ini adalah satu bentuk ujian daripada Allah ﷻ terhadap hamba-hamba-Nya. Ujian Allah boleh berlaku sama ada dalam bentuk kesenangan atau kesusahan, terkadang ia berlaku secara individu dan terkadang secara kolektif. Sebagaimana maksud firman Allah ﷻ dalam surah Al-Anbiya' ayat 35:

“Tiap-tiap diri akan merasai mati, dan Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan; dan kepada Kami lah kamu semua akan dikembalikan.”

Para ulama sering memperingatkan kita bahawa dunia ini bukan tempat untuk kita menetap selama-lamanya, tetapi dunia adalah tempat tinggal sementara yang penuh ujian. Terkadang ujian Allah ternampak pada zahirnya seolah-olah keras dan kejam, tetapi bila diamati didapati ada rahmat yang tersisip di dalamnya. Di dalam al-Quran ada ayat yang bermaksud,

“Kemungkinan kamu membenci sesuatu, padahal Allah menjadikan padanya kebaikan yang banyak.”

Tidak mustahil ujian adalah satu cara yang menandakan Allah kasih terhadap hamba yang diuji. Ini adalah supaya dengan ujian itu dapat menyedarkan seseorang terhadap kekerdilannya dan kebesaran Allah ﷻ. Dengan itu dia bertambah merendah diri kepada Tuhannya, lantas memohon keampunan dan bertaubat di atas segala dosa dan kesalahannya. Justeru, disebut di dalam sebuah hadis riwayat Tirmidhi dan Ibnu Majah, bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, bahawa manusia yang paling hebat diuji ialah para anbiya' kemudian orang-orang yang hampir kedudukannya (keimanan dan ketakwaan) dengan mereka itu.

Kesimpulannya, kita hendaklah bersabar dan sentiasa tabah dalam menghadapi apa jua ujian yang melanda. Sebagai umat yang dibekalkan dengan keimanan, kita hendaklah cuba memahami hikmah yang tersirat di sebalik sesuatu ujian yang berlaku. Janganlah kita mudah berputus asa kerana seperti yang tersebut di dalam al-Quran, surah Yusuf: 87 yang bermaksud

“Tiada yang berputus asa daripada rahmat Allah melainkan orang-orang yang kafir.”

Selain itu, maqasid syariah berperanan sebagai langkah dan panduan terbaik kepada umat Islam ketika mendepani wabak bahaya Covid-19. Pada masa sama, ia dapat memelihara nyawa manusia dan menjalani kehidupan dengan selamat di samping mengerjakan ibadah dengan aman, selesa dan tenang.

DATO' SERI DR. WAN SALIM WAN MOHD NOOR
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang.



Dr. Mohamad Zaki bin Hj. Abdul Halim
Penolong Mufti Kanan (Istinbat)
zakihalim@penang.gov.my

HIFZ NAFS DALAM MENGHADAPI UJIAN

HATI mana tidak merasa sayu dan sedih tatkala mendengar seruan azan berkumandang dengan ditukarkan lafaznya “صلوا في بيوتكم” – “Solatlah di rumah-rumah kamu”, sedangkan sebelum ini umat Islam mendengar ajakan untuk solat berjemaah di masjid dan surau. Namun dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), semua umat Islam diminta untuk solat di rumah masing-masing. Hanya imam, bilal dan siak sahaja dibenarkan untuk mengerjakan solat di rumah Allah itu sebagai memenuhi tuntutan fardu kifayah. Para jemaah yang selama ini solat berjemaah di rumah Allah terpaksa akur dengan arahan pihak berkuasa walaupun agak berat untuk menerima kenyataan tersebut.

Bukan hanya pelaksanaan ibadah solat, PKP ini juga telah mengubah landskap cara hidup kebanyakan manusia. Hal ini kerana pergerakan setiap orang terbatas, tidak seperti kebiasaan. Contohnya, orang ramai tidak dibenarkan bebas bergerak dari satu tempat ke tempat lain atau keluar bekerja atau bersosial di tempat awam atau lain-lain. Langkah yang diputuskan kerajaan ini bertujuan untuk menjaga kemaslahatan dan kepentingan nyawa manusia agar rantai virus Covid-19 dapat diputuskan. Matlamatnya adalah untuk mengekang virus daripada merebak dan membunuh lebih ramai mangsa.

Malangnya keprihatinan kerajaan itu diambil ringan oleh segelintir masyarakat. Ada yang sengaja melanggar perintah yang dikuatkuasakan dengan pelbagai alasan tidak munasabah. Tidak kurang yang menyelar pihak berkuasa agama kerana terpaksa menutup masjid dan surau demi keselamatan jemaah. Bukankah arahan untuk taat kepada pemerintah atau ketua merupakan salah satu tuntutan dalam syariat Islam?

Firman Allah ﷻ :

“Wahai orang-orang yang beriman taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada rasul dan ulil amri (pemerintah/ ketua) kalian.” (Surah al-Nisa, ayat 59)

Ayat itu jelas menuntut umat Islam agar taat kepada pemerintah yang merupakan kewajipan daripada perintah Allah ﷻ. Justeru, apa yang dilakukan oleh kerajaan dan pihak berkuasa agama adalah amat bertepatan bagi memastikan rakyat dilindungi. Sekiranya arahan kerajaan dan pihak

berkuasa tidak dipatuhi, besar kemungkinan pandemik itu akan merebak dengan cepat hingga meragut lebih banyak nyawa tidak bersalah seperti mana yang berlaku di China, Itali, Sepanyol, Amerika Syarikat dan beberapa negara lain.

Hikmah di Sebalik Ujian

Sebagai seorang Muslim yang beriman, kita wajib meyakini bahawa krisis ini adalah ujian yang Allah ﷻ berikan kepada para hamba-Nya. Ujian seumpama ini telah dilalui oleh umat manusia terdahulu dalam pelbagai bentuk dan cara. Ia memperlihatkan kekuasaan Allah ﷻ dan menzahirkan kedaifan manusia sebagai hamba-Nya agar kita bertaubat serta bersyukur dan bukannya mendabik dada.

Allah ﷻ berfirman:

“(laitu) Orang-orang yang mengingat Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): “Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari seksa neraka.” (Surah Ali Imran, ayat 191).

Menurut Imam al-Tabari dalam tafsirnya, bahawa perkataan ‘haza’ (ini) dalam ayat tersebut merujuk kepada segala bentuk ciptaan Allah ﷻ di langit dan bumi adalah sesuatu yang bukan bersifat sia-sia. Justeru, refleksi daripada ayat 191 surah Ali Imran ini mengehendaki setiap orang tidak perlu terlalu bersedih dan terbeban ketika mengharungi kesukaran dengan ujian wabak ini.

Allah ﷻ telah mendatangkan Covid-19 dengan pelbagai hikmah, antaranya:

1 Muhasabah diri dengan mengambil pengajaran daripada berlakunya wabak yang melanda. Jika selama ini, kita merungut kerana terlalu sibuk bekerja sehingga tiada masa bersama keluarga, inilah masa terbaik untuk meluangkan masa bersama insan tersayang. Sepatutnya kita bersyukur dan mengambil pengajaran. Sepanjang tempoh “duduk di rumah”, kita berkesempatan untuk memperbanyakkan program ibadah dan mendekatkan diri kepada Allah ﷻ melalui ibadah secara berjemaah bersama ahli keluarga. Setidak-tidaknya dalam tempoh PKP, telah melahirkan ramai ketua keluarga yang menjadi imam untuk ahli keluarga masing-masing. Nikmat yang amat jarang dapat dilakukan sebelum ini. Sungguh, kita dapat mewujudkan suasana masjid dalam rumah. Jika tidak selama ini kita hanya mengistilahkan perkahwinan itu sebagai ‘membina masjid’ tetapi fungsi sebenar di sebalik perkahwinan itu jarang berlaku. Hakikatnya, Covid-19 telah mengembalikan tujuan utama rumah tangga dibina dan suami kembali mengemudi sebagai nakhodanya.

Allah ﷻ akan memberikan ganjaran bagi mereka yang taat dan patuh kepada arahan pemerintah dalam masa pengawalan wabak Covid-19 seperti mana dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah ﷺ:

2 *“Aku bertanya Rasulullah ﷺ mengenai wabak taun. Baginda menjawab itu adalah azab yang Allah turunkan kepada sesiapa yang Allah kehendaki. Allah akan jadikan penyakit itu sebagai rahmat kepada orang-orang beriman. Tidak ada sesiapa yang terkena taun dan duduk tetap di negerinya dalam keadaan sabar, mengharap ganjaran Allah dan yakin jangkitan yang berlaku adalah ketentuan Allah, melainkan Allah akan memberinya pahala syahid.”* (Riwayat al-Bukhari)

3 Menjalinkan hubungan rapat bersama keluarga dengan lebih akrab melalui masa berkualiti. Aktiviti solat berjemaah, makan bersama, membaca al-Quran dan menambah kemahiran insaniah (*soft skill*) seperti sikap prihatin, sabar, kebolehan mendengar dengan baik, memimpin dan mengurus keluarga dan anak-anak dan teknikal (*hard skill*) termasuk berinteraksi menggunakan aplikasi dalam internet, memasak dan berkebun yang selama ini tidak sempat dilakukan bersama.

4 Mengajar kita erti menghargai anugerah kesihatan dengan memastikan kesihatan diri dipelihara dengan baik dan kebersihan kawasan persekitaran serta tempat ibadah dijaga dengan sempurna bagi mengelak jangkitan penyakit berbahaya.

5 Memberi peluang kita mengurus masa dan kewangan dengan lebih teratur dengan mengutamakan perkara-perkara yang *dharuriy* berbanding perkara yang sia-sia dan tidak utama.

Ketahuiilah bahawa wabak Covid-19 telah menyatukan masyarakat di Malaysia tanpa mengira pegangan politik, bangsa mahu pun agama. Ini terbukti dengan kesedaran yang timbul menyebabkan masyarakat bersatu menghadapi musuh yang sama. Pada masa sama, umat Islam bersama-sama giat bermunajat kepada Allah ﷻ memohon agar wabak Covid-19 dapat segera dikeang dan kehidupan dapat diteruskan dengan baik dan aman sentosa. *Hifz Nafs*, "Kita Jaga Kita".



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA
GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 63

19hb Disember 2019

No.26

No.1229.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI PULAU PINANG) 2004

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 48

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 48 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 [*Enakmen 2*], atas perkenan Yang di-Pertuan Agong, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang, membuat fatwa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

FATWA MENGENAI MEMASUKKAN PERKATAAN 'ISLAM' DI DALAM KAD PENGENALAN SELEPAS MEMELUK AGAMA ISLAM BAGI MUALAF/SAUDARA BARU

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 6/2017 yang bersidang pada 18 dan 19 Disember 2017 telah membincangkan mengenai isu Memasukkan Perkataan 'Islam' Di Dalam Kad Pengenalan Selepas Memeluk Agama Islam Bagi Mualaf/Saudara Baru. Mesyuarat memutuskan bahawa mana-mana orang yang memeluk agama Islam hendaklah memohon kepada Jabatan Pendaftaran Negara untuk dimasukkan perkataan 'Islam' ke dalam kad pengenalan berdasarkan سد الذريعة iaitu menutup jalan yang membawa kepada kerosakan (mafsadah) dan *maqasid al-syariah*: حفظ الدين iaitu memelihara agama bagi tujuan mengatasi permasalahan yang timbul dan sering dikaitkan dengan saudara baru.

Dibuat 20 Disember 2018

[JMNPP /(S)/19/1101/002(14); PUNPP 352/100/1/2/EA/1 Jld. 5]

DATO' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR
*Mufti Kerajaan Negeri
Pulau Pinang*



Siti Asmah binti Abdul Manap
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
siti.asmah@penang.gov.my



Pengesahan Arah Kiblat
Surau TT Vision Technologies SDN BHD
Bayan Lepas, Pulau Pinang
9 Januari 2020



Penyerahan Total Station oleh JUPEM
Pahang
22 Januari 2020



Mesy. JK Falak Negeri Pulau Pinang
Bil. 1/2020
Hotel Ixora, Pulau Pinang
28 & 29 Januari 2020



Program Pendidikan Falak Siri 1/2020 :
Bengkel Pengendalian Teleskop
Maktab Rendah Sains Mara (MRSM PDRM)
30 Januari 2020



Mesy. JK Fatwa Negeri Pulau Pinang
Bil. 1/2020
Hotel Ixora, Pulau Pinang
5 & 6 Februari 2020



Bengkel Penerbitan
Bilik Mesyuarat JMNPP
KOMTAR, Pulau Pinang
13 Februari 2020



Kunjungan Mahabbah Pengarah Pusat Islam
Bilik Mesyuarat JMNPP
KOMTAR, Pulau Pinang
18 Februari 2020



Kajian Waktu Solat Tempat Tinggi
Western Hill, Bukit Bendera
Pulau Pinang
19 Februari 2020



Falak @ School (FAS) Siri 1/2020
SMKA Al-Mashoor (L)
Pulau Pinang
27 Februari 2020



Taklimat Inspektorat Keselamatan Kerajaan
Bilik Mesyuarat JMNPP
KOMTAR, Pulau Pinang
28 Februari 2020



Program Retreat Sahabat Falak JMNPP
BumbleDee's Cafe
USM Kampus Induk, Pulau Pinang
6 Mac 2020



Bengkel Semakan Penerbitan Siri 1/2020
Masjid Daerah Seberang Perai Tengah
PERDA, Pulau Pinang
11 Mac 2020



Muhammad Haniff bin Baderun
 Penolong Mufti Kanan (Falak)
muhammad.haniff@penang.gov.my

Crescent of Ramadan 1441H

Observer: Agku Bolkhizan A Ahmad Thani
 Date: April 23, 2020 ; 29 Syaban 1441
 Location: Universiti Malaysia Sabah Labuan International Campus
 Latitude: 5.27°N
 Longitude: 115.17°E
 Shooting Time: 6.33PM
 Number of Frame: Single
 File Name: IMG_7080.CR2



فأنت مفضل ولا اله الا الله
 PEJABAT MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN

Hilal Ramadhan 1441H

NORMA BAHARU & HILAL TERMUDA

Belum berlaku dalam sejarah
 Angkara virus yang baru menjelma
 COVID-19 namanya
 Gegak gempita isi buana
 Apabila dunia diarah berkurung
 Pergerakan terbatas, ekonomi terjejas
 Pendidikan terbantut, perkhidmatan tersangkut
 Perniagaan tutup, simpanan susut
 Pendapatan tersekat, pengangguran meningkat
 Tujuan putus rantai kuman
 Terputus juga rantai kehidupan
 Manusia keresahan fikir masa depan
 Umpama menempuh gelombang di lautan
 Nasib kapal besar tidak sama dengan sampan

Bagai terhenti putaran dunia
 Dipukul makhluk yang tiada di mata
 Secanggih-canggih teknologi kita punya
 Masih gagal temui vaksinnnya
 Tersentak kita dari alpa
 Betapa terbatas kudrat si hamba
 Kembali pada pencipta segala
 Tunduk pada kekuasaan yang Esa

Musibah ditempuh dengan tabah
 Dalam susah tersirat hikmah
 Berhenti mengejar hilang lelah
 Kembali manusia kepada fitrah
 Masa terluang buat muhasabah
 Dulu terkurang dapat ditambah
 Dulu terabai dapat dibelai
 Norma baharu perlahan-lahan sesuai

Bukan kita saja yang rasa hikmahnya
 Alam juga terima tempiasnya
 Hitam kelabu kotoran pudar sirna
 Hijau daratan biru lautan nyata membara
 Air mengalir terlihat jernihnya
 Udara bertiup terhirup segarnya
 Unggas berkicau terdengar nyaringnya
 Bumi kekal putar di paksinya
 Walau manusia tersekat langkahnya
 Matahari terbit serakkan cahaya
 Bulan menjelma pantulkannya pula

Dari itu sejarah tercipta
 Hilal termuda rekod baru dunia
 Berjaya dijejak di negara kita
 Labuan jadi lokasi kenampakannya
 Ramadan kali ini lebih bermakna
 Walau norma baharu serba serbi berbeza
 Hikmah Tuhan tiada terduga
 Setelah hujan mentari tiba
 Di hujung terowong bersinar cahaya



M	A	B	C	D	E	U	T	A	R	I	D	F	G	H	T	I	J	K	H
A	Z	Y	X	W	V	U	T	S	R	S	Q	P	O	N	N	M	S	L	G
R	A	A	E	D	E	F	G	H	I	J	U	K	L	M	N	O	C	P	E
I	B	D	Q	C	Z	Y	X	W	V	S	U	N	T	S	R	A	O	Q	M
K	C	C	F	U	J	C	I	H	G	A	F	E	A	D	P	C	R	B	I
H	D	B	G	B	A	R	S	T	U	G	V	W	X	R	Y	Z	P	A	N
A	E	A	H	N	Q	R	P	O	N	I	M	L	I	K	U	J	I	I	I
D	F	Z	C	A	X	Y	I	Z	A	T	B	C	C	D	E	F	O	G	H
D	G	E	I	Z	W	V	U	U	T	A	O	S	R	Q	P	O	N	M	L
A	R	Y	J	P	Y	Z	A	B	S	R	C	D	E	F	G	H	I	J	K
J	H	X	K	Y	I	X	W	V	N	I	U	T	S	O	R	Q	P	O	N
N	I	W	L	X	B	E	C	D	E	U	F	G	E	H	I	J	K	L	M
Z	U	H	A	L	A	Z	C	Y	X	S	W	L	V	U	T	T	S	R	I
A	J	V	M	W	H	V	I	E	J	K	L	M	I	N	A	O	P	Q	R
M	K	U	A	V	I	G	F	E	S	D	C	B	A	B	U	M	I	Z	A
U	L	T	N	R	M	N	O	P	Q	R	S	T	U	V	R	W	X	Y	T
O	M	S	G	U	I	L	K	N	E	P	T	U	N	J	U	A	I	H	Y
I	N	O	O	T	V	E	W	X	Y	Z	A	B	C	D	S	E	F	G	S
E	O	R	P	S	T	U	S	S	R	Q	P	O	N	M	L	K	J	I	U
A	P	Q	Q	R	A	B	C	D	E	Z	U	H	R	A	H	F	G	H	M

Cari perkataan tersembunyi berkaitan nama planet dan nama buruj, berdasarkan kepada pembayang yang disediakan.

Pembayang

- Merupakan satu-satunya tempat di alam semesta di mana kehidupan wujud
- Planet terkecil dalam sistem suria
- Planet paling sejuk
- Mempunyai sistem gelang atau cecincin yang utama
- Saiz dan graviti hampir sama dengan bumi
- Mempunyai 2 bulan : Phobos & Demos
- Mempunyai gelang tetapi tidak dapat dilihat dari bumi
- Planet ke -7
- Buruj kala jengking
- Buruj yang menandakan bermulanya musim sejuk
- Buruj Singa
- Buruj Alat Timbangan
- Tarikh 21 Mac – 20 April
- Bersebelahan buruj Scorpio
- Mudah dilihat dengan mata kasar
- The Twin
- Buruj yang dikenali dengan nama arab "Al-jaddi"
- Buruj "Sunbulah"
- Gambaran seorang lelaki dengan jug
- The fish



Mohd Rizuan bin Idrus
Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam
mohdrizuan@penang.gov.my

Ruangan Tokoh

DATO' HAJI MD. SALEH BIN HAJI MD. @ HAJI AHMAD

(Ahli Jawatankuasa Fatwa Pulau Pinang 2000-2019)




LATAR BELAKANG

Tarikh & Tempat Lahir | 05 Julai 1947, di Permatang Sungai Dua, Kepala Batas, Pulau Pinang.

Nama Isteri | Zariah binti Ismail

Tarikh Perkahwinan | 22 Ogos 2012

PENDIDIKAN



KERJAYA/SUMBANGAN

- PENGALAMAN 1979 - 1981**
Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-Undang (YPTIK) Nilam Puri, Kelantan
- PENGALAMAN 1981 - 1996**
Penyelaras Program Pendidikan Islam dan Pensyarah Bahagian Syariah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (AIUM)
- PENGALAMAN 1985 - 2000**
- Ahli Jawatankuasa Syariah (Fatwa) Majlis Hal Ehwal Islam, Perak Darul Ridzuan
 - Pengarah Majlis Ijtimak dan Muzakarah (bulanan) Madrasah Ahmadiyah, Sungai Petani, Bukit Gantang, Perak
- PENGALAMAN 1992 - 1994**
Dekan Fakulti Syariah Akademi Islam Universiti Malaya
- PENGALAMAN 1996 - 2005**
Ketua dan Pensyarah Kontrak di Jabatan Fiqh dan Usul, Bhgn. Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM)
- PENGALAMAN 2000 - 2010**
- Ahli Jawatankuasa Panel Kajian Syariah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
 - Pensyarah Jemputan Bersiri Program *Tafaqquh Fi al-Din* untuk Pegawai-pegawai Tadbir Agama Islam Negeri Perak anjuran Jabatan Mufti Negeri Perak
- PENGALAMAN 2001 - 2018**
Pensyarah Jemputan Bersiri Program *Tafaqquh Fi al-Din* untuk Pendaftar-pendaftar Cerai, Nikah dan Rujuk Negeri Perak anjuran Jabatan Agama Islam Negeri Perak
- PENGALAMAN 2002 - 2018**
Pensyarah Jemputan Bersiri Program *Tafaqquh Fi al-Din* untuk Hakim-hakim Syar'ie Seluruh Malaysia (Zon Tengah, Utara, Pantai Timur dan Zon Sabah dan Sarawak) anjuran Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
- PENGALAMAN 2004 hingga sekarang**
Ahli Jawatankuasa Syariah (Fatwa) Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
- PENGALAMAN 2006 - 2011**
Senior Academy Fellow, Department of Islamic Law, Ahmad Ibrahim Kulliyah of Laws, International Islamic University Malaysia (IIUM)
- Pakar Rujuk Risalah "Panduan Tayammum dan Solat Pesakit" (2003) JAKIM
 - Pakar Rujuk Buku "Gerbang Perkahwinan Bagi Modul Bersepadu Pra Perkahwinan Islam" (Versi 2004) Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Pengurusan Masjid, JAKIM

Tahun	Tajuk Buku	Penerbit
1989	Panduan Solat Musafir, Jama' dan Qasr'	Pustaka Hizbi, Shah Alam
1990	Solat Jamaah Menurut Mazhab Syafie	
1993	Prinsip-prinsip Pendakwaan dan Pembuktian dalam Sistem Kehakiman Islam (terj.)	
1995	Ruju' dan Iddah dalam Sistem Perkahwinan Islam	Pustaka Haji Abdul Majid, Kuala Lumpur
1998	<i>Qawa'id Fiqhiyyah</i>	
1999	Pengantar Syariat Islam	
2000	Panduan Solat Musafir, Jama' dan Qasr'	
2003	Sistem Kehakiman Islam (terj.)	
2010	Hukum Perkahwinan dan Perceraian dalam Sistem Kekeluargaan Islam	
2002 2005	Solat Jamaah: Satu Huraian Menurut Mazhab Syafie Risalah Ahkam	

Judul Jurnal **Tajuk Artikel**

- **Kelayakan Seorang Hakim Menurut Pandangan Islam**
— Monograf Syariah 1 (Jun 1993)
- **Kesaksian dalam Perkahwinan: Hukum dan Kelayakan Saksi**
— Monograf Syariah 2 (Mei 1994)
- **Konsep *Tahkim* dalam Perundangan Islam**
— Monograf Syariah 3 (Mei 1995)
- **Kebebasan Institusi Kehakiman dalam Islam**
— Jurnal Syariah, Jilid 3, Bil.2 (Julai 1995)
- **Pengajian Syariah: Hubungannya dengan Adat Resam serta Keadaan Tempatan**
— Monograf Syariah (1996)
- ***Mu'amalat Malliyyah* Semasa Satu Pengenalan**
— Majalah Iktisad, Bil.1 (2004)



Tajuk Kertas Kerja

Program

- Fiqh dan Kaedah Penyelesaian Khilafiyah** — Kompleks Tabung Haji Pulau Pinang anjuran Majlis Agama Islam Perak pada 10.8.1999
- Konsep Penentuan Waktu-waktu Solat** — Bengkel Falak Syar'ie anjuran Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang pada 28.9.2001
- Penggunaan *Taqlid* dan *Talfiq* dalam Fatwa: Satu Penilaian** — Seminar Pembangunan Ummah 2002 Pulau Pinang pada 10-11.7.2002
- Peranan Ijtihad sebagai Pemangkin ke Arah Kegemilangan Ilmu Islam** — Seminar Pemantapan Sains dan Agama: Keharmonian dalam Krisis (USM) pada 13-14.8.2003
- Khilaf Ulama dalam Hukum Fiqh: Sebab dan Adab-adabnya** — Seminar Pengembangan Ilmu anjuran Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang pada 31.7.2004

TAULIAH MENGAJAR/CERAMAH ▼

1. Majlis Agama Islam Perak (MAIP) pada tahun 1968.
2. Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) pada tahun 1982.
3. Negeri Selangor Darul Ehsan pada 27 Mei 2009 hingga 31 Disember 2013.

ANUGERAH KECEMERLANGAN/KETOKOHAN ▼

1. Dianugerahkan Tokoh Maal Hijrah Peringkat Negeri Perak bagi tahun 1424H/2003M.
2. Dianugerahkan Darjah Dato' Paduka Mahkota Perak (D.P.M.P) pada 19 April 2007.
3. Dianugerahkan Tokoh Maal Hijrah Peringkat Negeri Pulau Pinang bagi tahun 1431H/2009M
4. Penerima Anugerah Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan tahun 1436H/2015M.

AKTIVITI JABATAN

- | | | | |
|------------------|---|--------------------|---|
| 13 Mac 2020 | Program Pendidikan Falak Siri 2/2020
SMK Datuk Hj. Mohamed Nor Ahmad,
Gelugor, Pulau Pinang | 27 Februari 2020 | Falak@ School (FAS) Siri 2/2020
Sekolah Menengah Kebangsaan
Agama Al-Mashoor (L) |
| 13 Mac 2020 | Irsyad Fatwa Siri 3/2020
Masjid Sungai Kechil,
Seberang Perai Selatan | 26 Februari 2020 | Falak@ School (FAS) Siri 1/2020
Modul Penentuan Arah Kiblat
Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Kailan |
| 12 Mac 2020 | Mesyuarat Penyediaan Bajet 2020
Bilik Mesyuarat
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang | 25 Februari 2020 | Bengkel Kajian Isu Fatwa Siri 2/2020
Perpustakaan
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang |
| 11 Mac 2020 | Kuliah Tafaqquh : Kitab Fawaid Makiyyah & Penawar Bagi Hati
UiTM Pulau Pinang | 21 Februari 2020 | Bengkel ICT Siri 1/2020
Bilik Mesyuarat
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang |
| 11 Mac 2020 | Bengkel Semakan Penerbitan Siri 1/2020
Masjid Daerah Seberang Perai Tengah
(PERDA) | 19 Februari 2020 | Kajian Waktu Solat Tempat Tinggi
Western Hill, Bukit Bendera |
| 10 Mac 2020 | Bengkel Pemurnian Data Fatwa dalam Sistem e-Fatwa
Bilik Mesyuarat Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang | 18 Februari 2020 | Kuliah Tafaqquh : Kitab Fawaid Makiyyah & Penawar Bagi Hati
UiTM Pulau Pinang |
| 9 Mac 2020 | Sesi Pembentangan Laporan Pemeriksaan dan Penilaian Visual Struktur Bangunan serta Cerun Pusat Falak Sheikh Tahir
Bilik Mesyuarat Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang | 14 Februari 2020 | Irsyad Fatwa Siri 2/2020
Masjid Bayan Baru |
| 7 Mac 2020 | Team Buiding
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
The Habitat, Bukit Bendera, Pulau Pinang | 13 Februari 2020 | Bengkel Penerbitan
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
Bilik Mesyuarat Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang |
| 6 Mac 2020 | Retreat Sahabat Falak
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
Bumblee Dee's Cafe, USM, Kampus Induk | 7 Februari 2020 | Mesyuarat JPKA, JKPAK Bil.4/2019
Bilik Mesyuarat
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang |
| 4 Mac 2020 | Seminar Isu Kefatwaan
UiTM Pulau Pinang | 5-6 Februari 2020 | Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil.2/2020
Ixora Hotel, Perai, Pulau Pinang |
| 3 Mac 2020 | Gotong Royong Pusat Falak Sheikh Tahir
Pusat Falak Sheikh Tahir | 3-4 Februari 2020 | Bengkel Pemurnian Slide Falak
Bilik Mesyuarat
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang |
| 2 Mac 2020 | Hari Semakan Buku Perkhidmatan
Bilik Mesyuarat
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang | 30 Januari 2020 | Taklimat Pendidikan Falak Bil.1/2020:
Bengkel Pengendalian Teleskop
Maktab Rendah Sains MARA (MRS M PDRM) Kulim |
| 28 Februari 2020 | Taklimat Inspektorat Keselamatan
Bilik Mesyuarat
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang | 29-30 Januari 2020 | Daurah Kitab: Syarah Hadis 40 Imam Nawawi
UiTM Pulau Pinang |



Saufi bin Redzuan
Pembantu Hal Ehwal Islam
saufiredzuan@penang.gov.my

**28-29
Januari
2020**

**Mesyuarat Jawatankuasa Falak
Negeri Pulau Pinang. Bil. 1/2020**

Ixora Hotel, Perai, Pulau Pinang

**22
Januari
2020**

Bengkel Kajian Isu Fatwa Siri 1/2020

Perpustakaan
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

**21
Januari
2020**

Bengkel Dalaman Bahagian Falak

Bilik Mesyuarat
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

**18
Januari
2020**

**Kuliah *Tafaqquh*: Kitab *Fawa'id Makiyyah*
& Penawar Bagi Hati**

UiTM Pulau Pinang

**17
Januari
2020**

***Irsyad* Fatwa Siri 1/2020**

Masjid Negeri Pulau Pinang

**15
Januari
2020**

**Bengkel Pemurnian Data Fatwa
dalam Sistem e-Fatwa**

Perpustakaan Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang

**10
Januari
2020**

**Majlis Anugerah Perkhidmatan Terpuji (APT)
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang bagi Tahun 2018**

Bilik Mesyuarat Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang



Mohd Zulhelmi bin Mohd Yusof
Penolong Mufti (Pusat Falak Sheikh Tahir)
zulhelmi@penang.gov.my

CERAPAN HILAL DI PUSAT FALAK SHEIKH TAHIR

Tarikh

Tempat

25 Jan. 2020 Cerapan Hilal Jamadilakhir 1441H

23-24 Feb. 2020 Cerapan Hilal Rejab 1441H

24-25 Mac 2020 Cerapan Hilal Syaaban 1441H

23 April 2020 Cerapan Rasmi Hilal Ramadhan 1441H

22-23 Mei 2020 Cerapan Rasmi Hilal Syawal 1441H

LAWATAN KE PUSAT FALAK SHEIKH TAHIR

Tarikh

Agensi-agensi

18 Feb. 2020 Institut Maahad Tahfiz Al-'Azim

19 Feb. 2020 Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang

24 Feb. 2020 Institut Latihan Islam Malaysia, Bandar Baru Bangi

**PENENTUAN / PENGESAHAN
ARAH KIBLAT**

**Tahun
2020**

Tarikh

Lokasi Premis / Masjid / Surau

7 Jan. Surau Flextronic Technology (Penang) Sdn. Bhd. (Plant 5), Prai.

8 Jan. Surau GAMA Supermarket & Departmental Store Sdn Bhd., Jalan Dato' Keramat, Georgetown.

9 Jan. Surau TT Vision Technologies Sdn. Bhd, Bayan Lepas.

14 Jan. Surau Stesen Minyak SHELL Hentian Sungai Bakap Arah Utara, Lebuhraya Utara-Selatan.

Surau SMK Valdor, Sungai Jawi.

15 Jan. Surau Kompleks Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang, Cawangan Padang Tembak.

16 Jan. Surau Robert Bosch (M) Sdn.Bhd, Bayan Lepas.

Surau Dua Residency (Pangsapuri Mampu Milik) Teluk Kumbar

21 Jan. Surau SK Kuala Perai, Bagan Dalam, Butterworth.

22 Jan. Wad OBS, Wad 1 & 2, Hospital Seberang Jaya, Jalan Tun Hussein Onn.

23 Jan. Surau Sekolah Menengah Agama (SMA) Ibrah, Tanjung. Putus, Permatang Pauh.

30 Jan. Surau DELL (M) Sdn. Bhd. Zon Perindustrian Bukit Tengah.

5 Feb. Maahad Darul Ulum Islamiyyah, Kampung Balik Bukit, Permatang Pasir.

6 Feb. Surau di atas Lot 33128, Mukim 14, SPT.

10 Feb. Surau Pusat Pergigian Kanak-kanak & Institut Latihan KKM (Pergigian), Georgetown.

11 Feb. Flavor Blitz Sdn. Bhd. Taman IKS, Simpang Ampat.

12 Feb. Surau Perpustakaan Digital Butterworth, Kampung Benggali.

13 Feb. Kompleks Pasar Pagar Buloh, Lintang Sungai Ara 12, Bayan Lepas.

18 Feb. SK Mutiara Perdana, Jln. Dato' Ismail Hashim Bayan Lepas (Dewan Terbuka dan Bilik JQAF).

Minda AQ (M) Sdn. Bhd. Jalan Bukit Belah, Teluk Kumbar, Bayan Lepas (Pusat Pengajian)

20 Feb. Daarut Tarbiyyah Academy, Jalan Kedidi, Desa Pilihan (Pusat Pengajian).

Surau Sekolah Rendah Islam Al-Ansar (SRIA), Permatang Pasir, Balik Pulau.

Surau Sony EMCS (M) Sdn. Bhd. Zon Perindustrian Bebas, Perai (Surau Baru).

26 Feb. Surau Depoh Tahanan Imigresen & Kuarters Jawi, SPS

4 Mac Kafa Sekolah Agama Ridhwaniah, Sungai Batu, Bayan Lepas.

10 Mac Surau Kondominium Straits Garden, Jln. Tokong Batu, Jelutong.

12 Mac Surau Jabil Batu Kawan, Batu Kawan.

Surau Pangsapuri Eco Bloom, Jalan Paboi, SPS.

13 Mac Unit Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Aras 49, KOMTAR.

17 Mac Kediaman Rasmi Ketua Polis Pulau Pinang, Jalan Tunku Abdul Rahman.

19 Mei Bilik Pengarah Plan Malaysia Pulau Pinang, Aras 57, KOMTAR.

16 Jun Bahang Bay, Jalan Telok Bahang (Semakan Semula).

17 Jun Bilik Penginapan Hotel UiTM Cawangan Pulau Pinang (Semakan Semula).

18 Jun Musolla Al-Ehsan SMK Datuk Hj. Mohamed Nor Ahmad.

25 Jun Pangsapuri Luminari, Jalan Harbour Place 1, Butterworth. Penang Digital Library (Phase 2), Jalan Masjid Negeri.



Fairus Ain binti Abdul Aziz
 Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam
 fairusain@penang.gov.my

REVOLUSI 4.0 SATU CABARAN



Majlis Penganugerahan Anugerah Perkhidmatan Terpuji bagi Tahun 2018 untuk kakitangan Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang pada 9 Januari 2020.

Georgetown, 10 Januari 2020 – Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor menggesa agar kakitangan Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (JMNPP) supaya sentiasa mempersiapkan diri untuk menghadapi cabaran kerja dan berani untuk melakukan inovasi dalam melaksanakan tugas masing-masing.

Beliau berkata demikian semasa majlis perhimpunan bersama kakitangan JMNPP pada hari ini. Selain itu, beliau turut mengingatkan semua kakitangan agar terus memberikan komitmen yang terbaik dalam menyempurnakan amanah yang diberikan. Sebagai institusi dalam bidang keagamaan, JMNPP juga harus sentiasa berada seiring dengan perubahan semasa agar tidak ketinggalan. Beliau mengambil kira revolusi industri 4.0 yang sedang berkembang kini sebagai satu cabaran, di mana semua warga JMNPP tidak boleh leka dan selesa dengan situasi sedia ada.



Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Terpuji kepada salah seorang kakitangan JMNPP iaitu Ustaz Mohd Zaki bin Hj. Abdul Halim.

Dalam majlis tersebut juga, kakitangan JMNPP yang telah menunjukkan pencapaian prestasi yang cemerlang diraikan dengan pemberian sijil dan cenderahati oleh Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim bin Wan Mohd Noor. Turut diraikan sambutan ulang tahun kelahiran kakitangan JMNPP yang lahir pada bulan Julai hingga Disember 2019 yang lalu. Semua ini merupakan satu usaha JMNPP dalam memberikan dorongan dan motivasi kepada kakitangan agar dapat bekerja dengan tekun dan sebagai sebuah pasukan.



Barisan peserta bengkel bersama penceramah dari Galeri Ilmu

BENKEL PENERBITAN GALERI ILMU

Georgetown, 13 Februari 2020 - Bengkel ini dijalankan selama sehari pada 13 Februari 2020 bersamaan 19 Jamadilakhir 1440H, bertempat di bilik mesyuarat Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang. Bengkel ini telah diadakan dengan kerjasama daripada Galeri Ilmu Sdn. Bhd. Seramai 15 orang peserta telah menyertai bengkel penerbitan tersebut.

Melalui bengkel yang diadakan ini, ia telah memberikan pendedahan kepada peserta bagaimana langkah-langkah untuk menerbitkan sebuah buku ataupun jurnal. Di samping itu, peserta juga diberikan penjelasan berkenaan kaedah dan teknik penyuntingan dalam penyediaan sesebuah karya untuk menarik minat pembaca. Selain itu, melalui bengkel ini juga para peserta telah diberikan motivasi untuk turut menghasilkan penulisan yang boleh dipasarkan.

S.F Timbalan Mufti Negeri Pulau Pinang turut hadir menyertai bengkel yang diadakan tersebut. Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang merakamkan setinggi ucapan terima kasih kepada Tuan Haji Zakaria bin Sungib dan Tuan Haji Wan Azmin bin Wan Dollah dari Galeri Ilmu Sdn Bhd atas kesudian menjadi pemudahcara sepanjang bengkel ini berlangsung.



Taklimat Bengkel Penerbitan bersama Galeri Ilmu

TEAM BUILDING

Bukit Bendera, 7 Mac 2020 - "Team Building" merupakan satu program ke arah meningkatkan tahap profesional kakitangan, pengukuhan motivasi, meningkatkan pengetahuan, serta mewujudkan dan memantapkan semangat kekitaan dalam organisasi. Seramai 29 orang kakitangan Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang (JMNPP) terlibat dalam program yang telah diadakan di "The Habitat Penang Hill". Ini merupakan salah satu aktiviti yang akan memberi kesan positif kepada semua kakitangan JMNPP.

Pelbagai aktiviti menarik dijalankan sepanjang hari, antaranya ialah *The Web Of Life*, *Dance Monkey*, dan *Canopy Bridge*. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan ini bertujuan membentuk kesefahaman antara para peserta, memupuk jalinan komunikasi yang baik dan saling tolong-menolong dalam menyelesaikan masalah. Selain itu, aktiviti yang dilaksanakan ini mampu membina budaya kreatif dan inovatif dalam menghasilkan prestasi cemerlang.

Secara keseluruhannya program telah mengeratkan lagi hubungan silaturahim sesama ahli Jabatan. Selain itu juga, ahli JMNPP juga dapat merancang suatu perancangan serta dapat menyumbangkan sesuatu idea kepada jabatan yang bakal dijalankan pada masa akan datang.



Team Building
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
7 Mac 2020
The Habitat Penang Hill, Pulau Pinang

THE BAILY'S BEADS



Pasukan Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang di Pacific Palace Hotel

Batam, Indonesia, 26 Disember 2019 - Sekumpulan 10 orang wakil dari Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (JMNPP) turut berpeluang mencerap fenomena gerhana matahari cincin yang berlangsung pada tarikh tersebut. Pencerapan kali ini menggunakan peralatan khas yang disediakan. Ini merupakan julung kalinya diadakan di Pulau Batam, Riau, Indonesia oleh wakil JMNPP.

Teleskop jenis Sky-Watcher dilekapkan dengan Mount EQ5 yang disambungkan bersama Kamera Canon 600D berupaya merakam imej gerhana matahari cincin secara sempurna bermula dari sentuhan pertama hingga ke sentuhan terakhir. Pemilihan Pulau Batam sebagai lokasi untuk mencerap gerhana yang berlaku kerana tempoh masa berlakunya gerhana cincin tersebut adalah lebih lama berbanding dengan lokasi yang lain. Ini membolehkan fenomena yang berlaku dapat dilihat dengan jelas dalam masa yang lebih panjang.

Gerhana matahari cincin atau anulus kali terakhir berlaku di Malaysia adalah kira-kira 21 tahun lalu iaitu pada 22 Ogos 1998, yang dapat dilihat jelas di Mersing, Johor. Fenomena astronomi itu berlaku apabila bulan menutupi hampir keseluruhan matahari semasa fasa sentuhan kedua (C2) dan ketiga (C3) gerhana matahari cincin.

Sisi bulan yang tidak rata akan membenarkan cahaya matahari melalui celah-celah bukit bukaunya, menghasilkan ilusi cahaya seperti rantaian manik iaitu dipanggil "The Baily's Beads" (kesan manik *Baily* atau kesan cincin berlian).

Turut menyertai aktiviti pencerap di kepulauan Indonesia tersebut dari Malaysia ialah Jabatan Mufti Negeri Sembilan, Jabatan Mufti Negeri Selangor, Jabatan Mufti Negeri Pahang, Jabatan Mufti Negeri Kelantan serta Persatuan Falak Syari'e Selangor.



HUKUM SOLAT BAGI PETUGAS KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA YANG TERLIBAT DALAM MERAWAT PESAKIT COVID-19

Bagi para petugas hospital yang terlibat secara langsung dalam merawat kes-kes Covid-19 di hospital harus melakukan solat fardu semasa kritikal dengan panduan berikut;

1. Hukum menjamakkan solat untuk mereka yang terlibat sebagai *frontliner* atau petugas bagi menangani wabak Covid-19 khususnya di tempat awam seperti di hospital dan lain-lain adalah **harus.**

2. Ia adalah merujuk pandangan sebahagian fuqaha' mazhab al-Syafi'i dan pandangan fuqaha' mazhab Hanbali yang menyebut akan keharusan menjamakkan solat disebabkan keuzuran atau tugas yang penting.

3. Namun begitu ada beberapa garis panduan berkaitan solat jamak yang perlu diikuti oleh para petugas Covid-19, seperti berikut:

i. Solat hendaklah dilaksanakan secara sempurna di dalam waktunya jika tiada halangan syari'e ataupun darurat.

ii. Jika keadaan mendesak dan seseorang itu mampu melaksanakan solat secara *Jamak Suri* (صوري), iaitu seseorang itu mampu melewati solat Zuhur atau Maghrib sehingga ke akhir waktu solat serta solat Asar dan Isyak di awal waktu, ia adalah lebih utama.

iii. Jika dibimbangi seseorang itu tidak mampu melaksanakan *Jamak Suri*, bolehlah dia melaksanakan solat jamak tanpa qasar, sama ada secara takdim atau ta'khir bergantung kepada kesesuaian waktu bertugas.

iv. Jika keadaan dhorurat sehingga tidak memungkinkan dia mengambil wuduk atau bertayammun, maka hendaklah dia melaksanakan solat tanpa kedua-duanya (wuduk atau tayammum) sebagai solat hormat waktu. Ia hendaklah dilaksanakan pada waktu tamat bertugas atau waktu rehat sebelum kembali bertugas. Namun, solat dalam keadaan tersebut hendaklah diqadha semula.

Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada para petugas Kementerian Kesihatan Malaysia yang bertungkus-lumus berusaha menyelamatkan nyawa rakyat Malaysia. Anda adalah wira negara.

Diterbitkan oleh
Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang
24 Mac 2020 / 29 Rejab 1441





Mengucapkan "Rest In Peace"

1. Apakah hukum orang Islam menyebut \"Rest In Peace\" (RIP) apabila mendengar orang yang bukan Islam meninggal dunia?
2. Adakah ia bergantung kepada niat?
3. Bagaimana jika ucapan itu hanya sebagai penghormatan kepada sesama manusia?



Secara dasarnya Islam membenarkan ucapan yang baik terhadap orang bukan Islam atas dasar kemanusiaan dan penghormatan terhadap hak mereka dalam melaksanakan agama mereka. Ini dapat dikiaskan dengan penghormatan Rasulullah ﷺ apabila Baginda berdiri menghormati jenazah seorang Yahudi yang lalu di hadapan Baginda. Dua (2) perkara penting dalam isu memberi ucapan kepada orang bukan Islam, iaitu:

- i) Niat seseorang dalam memberikan ucapan tersebut. Sekiranya sesuatu ucapan yang diberikan dengan niat membenarkan kepercayaan sesuatu agama yang jelas bertentangan dengan Islam, maka ia adalah dilarang. Sementara sekiranya ia diucapkan sekadar penghormatan secara umum, maka ia adalah harus.
- ii) Latar belakang tradisi istilah yang diucapkan. Sekiranya ia telah menjadi sebahagian dari amalan keagamaan maka ia adalah dilarang. Dalam konteks ucapan "Rest In Peace", ia adalah satu bentuk ucapan doa yang biasa diucapkan dalam agama Kristian terutama dalam Mazhab Katolik sejak abad ke-18. Ia juga biasanya diukir di batu nisan mereka yang telah meninggal dunia di kalangan masyarakat Kristian. Versi penuh ucapan tersebut yang berasal dari bahasa Latin ialah "*May his soul and the soul of all the departed faithful by God's mercy rest in peace*". Ia juga mengandaikan orang bukan Islam tersebut akan mendapat rahmat dari Tuhan sebagaimana doa asal yang disebut dalam bahasa Latin. Sedangkan dari sudut akidah Islam seseorang yang mati dalam kekefuran tidak akan mendapat keampunan dan rahmat dari Tuhan.

Ini berdasarkan ayat al-Quran, surah al-Taubah ayat 113:

Maksudnya: ***Tidaklah dibenarkan bagi Nabi dan orang-orang beriman, meminta ampun bagi orang-orang musyrik, sekalipun orang itu kaum kerabatnya sendiri, sesudah nyata bagi mereka bahawa orang-orang musyrik itu ahli neraka.***

iii) Oleh yang demikian, seorang Islam adalah amat tidak digalakkan untuk mengucapkan kepada seorang bukan Islam. Walau bagaimanapun, Islam tidak menghalang seseorang Islam mengucapkan simpati terhadap keluarga orang yang bukan Islam yang meninggal dunia dengan ucapan yang tidak memberi implikasi keagamaan seperti **"Saya bersimpati dengan apa yang berlaku kepada anda" atau "kami mengucapkan kesedihan atas kehilangan si fulan dari keluarga anda"**.



Syahadat Ulangan



1. Adakah seseorang itu perlu mengulangi syahadah jika dilahirkan dalam keluarga Islam dan menjalankan syariah Islam? Ini berkaitan dengan rukun Islam yang menyatakan mengucapkan dua kalimah syahadah.
2. Adakah perlu dilafazkan di hadapan ulama'?
3. Adakah lafaz ulangan ini hukumnya sunat muakkad?
4. Adakah seseorang itu dikira mengingkari arahan nabi jika tidak melakukan lafaz tersebut?

Persoalan ini dengan sendirinya akan terjawab kalau kita perhatikan makna harfiah pada perkataan "syahadah." Apa maksud syahadah itu? Syahadah membawa maksud penyaksian. Seorang yang bersyahadah pada asasnya dia sedang bersaksi. Pertanyaan: mengapa perlu bersaksi? Katakanlah sebagai contoh, mengapa seseorang itu harus bersaksi di mahkamah? Untuk apa bersaksi atau berikrar di hadapan hakim?

Jawapannya ialah untuk menegaskan kepada khalayak tentang persepsi, pemahaman, keyakinan serta pendirian dirinya. Tetapi kenapa perlu ada penyaksian? Ia disebabkan pada ketika itu belum jelas pendiriannya, sehingga orang itu perlu bersaksi di hadapan hakim dalam sesuatu pengadilan mahkamah.

Di masa lalu, ketika belum ada seorang pun yang memeluk agama Islam, setiap kali ada yang masuk Islam, Nabi ﷺ meminta mereka melakukan penyaksian ini, iaitu melafazkan dua kalimah syahadah. Ia sebagai tanda bahawa mulai pada saat itu dia sudah berpindah agama dan menjadi pengikut agama Islam. Pengucapan ini dilakukan untuk menegaskan bahawa seseorang itu sudah berpindah agama, dari agama selain Islam menjadi beragama Islam.

Justeru, bagaimana pula dengan mereka yang telah pun menjadi Islam atau muslim sejak dilahirkan? Adakah diperlukan lagi untuk melafazkan penyaksian syahadahnya? Jawabannya adalah tidak perlu lagi bersyahadah. Mengapa?

Sebab dalam kehidupannya seharian, semua ciri, perilaku dan penampilannya sudah menunjukkan bahawa dirinya adalah seorang muslim. Iaitu dengan melaksanakan apa yang diperintahkan dan meninggalkan segala yang dilarang oleh agama. Oleh yang demikian, penyaksian itu tidak lagi diperlukan. Bahkan tidak ada kepentingannya lagi.

Tambahan pula secara akidahnya, keyakinan dan fikrah, sudah dapat dipastikan bahawa dirinya mentauhidkan Allah ﷻ dan menjadikan Nabi Muhammad ﷺ sebagai nabi dan rasul-Nya, serta kesetiaan untuk menjalankan semua perintah Allah ﷻ.

Mengapa seseorang yang sejak dilahirkan sudah demikian keadaannya masih lagi dipersoalkan tentang kelslamannya, dengan perlu diulang syahadahnya?

Adakah anak-anak para sahabat Nabi, para tabi'in, para ulama salaf dan setiap lapisan generasi muslimin sepanjang 14 abad itu pernah melakukan proses syahadah ulangan, padahal

mereka lahir sudah jadi muslim? Sudah tentu tidak pernah. Sebab mereka memang sudah muslim, sejak dilahirkan dan selama 24 jam setiap hari dalam kehidupan mereka.

Bahkan ketika mereka pergi ke masjid untuk menunaikan solat, itu adalah 'syahadah' mereka. Ketika Ramadan mereka berpuasa, maka itu juga adalah syahadah mereka. Ketika berzakat atau pergi haji ke Baitullah, itu juga adalah syahadah mereka. Justeru untuk apa lagi mereka bersyahadah? Adakah pihak-pihak yang meragukan atau mencurigai bahawa orang yang melakukan itu bukan muslim? Bukankah pada setiap kali kita bersolat pasti ada di sana kewajipan untuk mengucapkan dua kalimah syahadah. Bukan hanya sekali seumur hidup, tetapi setiap hari tujuh belas kali, adakah masih kurang?

Selain itu pengucapan syahadah tidak perlu dilakukan hanya di hadapan ulama atau imam. Sebuah kenyataan yang agak mengelirukan dan tidak munasabah bila mensyaratkan bersyahadah perlu di hadapan seseorang atau ulama tertentu, atau pimpinan tertentu dari sesuatu jemaah atau kumpulan. Pemikiran sebegini bukanlah dari ajaran Islam yang sebenar, tetapi merupakan hasil rekaan palsu kelompok tertentu. Mereka menyamakan antara syahadah dengan bai'ah. Seolah-olah orang yang tidak berbai'ah dengan kelompok mereka, masih belum muslim. Syahadahnya dianggap belum sah, kecuali setelah bersyahadah sekaligus berbai'ah dengan kelompok mereka.

Idea semua umat Islam perlu mengulangi syahadah biasanya datang dari kelompok-kelompok yang mempunyai kepentingan tertentu. Syahadah ulangan hanya perlu dilakukan oleh mereka yang murtad, iaitu mereka ingkar kepada salah satu rukun iman dan rukun Islam, atau melakukan perkara-perkara yang benar-benar telah membatalkan syahadahnya. Itu pun dengan adanya perintah rasmi dari pihak berkuasa agama dan bukannya dari orang perseorangan.

Kesimpulannya, tiada keperluan bagi orang yang telah lahir secara Islam untuk mengulangi syahadahnya, malah tidak dianggap sunat muakkad untuk mengulanginya semula. Adalah telah memadai dengan dia menjaga perkara-perkara yang dilarang oleh syarak untuk tidak dilakukan khususnya perkara yang boleh membatalkan syahadah. Syahadahnya akan kembali diperakui dan diterima oleh Allah ﷻ apabila dia bertaubat dan melaksanakan segala perkara yang dituntut ke atasnya dengan sebaik-baik dan seikhlas-ikhlas amalan. Demikian itulah sunnah Nabi ﷺ yang sebenar-benarnya.

Wallahualam.

Pentadbiran



Salmi Aida binti Samsimir
Pembantu Tadbir Pengkeranian Operasi
salmi_aida@penang.gov.my

Jasamu & Selamat Dikenang & Datang



Encik Mohamad Zaidi bin Darus



Encik Khairul Nizam bin Anuar

Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada dua (2) orang pegawai ini di atas sumbangan dan khidmat terbaik yang diberikan kepada Jabatan ini. Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang juga mengalu-alukan kedatangan pegawai di Jabatan ini. Semoga dengan kehadiran beliau di Jabatan ini akan terus memperlengkapi dan memperkasakan organisasi ini dalam mencapai visi dan misinya. *اهلا وسهلا* dan tahniah diucapkan.

Encik Mohamad Zaidi bin Darus kini bertugas di Jabatan Kerja Raya bermula pada 9 Mac 2020 dan tempat beliau kini diisi oleh **Encik Khairul Nizam bin Anuar** (Pemandu Kenderaan-H11) mulai 16 Mac 2020.



Us. Mohd Hanif b Omar @ Wahab



Ustaz Roslan bin Esa

Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab kini bertugas di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang bermula pada 21 Mei 2020 dan tempat beliau kini diisi oleh **Ustaz Roslan bin Esa** (Ketua Penolong Mufti-S48) mulai 21 Mei 2020.

Semoga Allah memberkati bagimu kelahiran bayi yang dianugerahkan kepadamu. Lalu engkau bersyukur kepada Allah yang menganugerahkan kepadamu. Semoga apabila anak itu dewasa, kamu akan dikurniakan kebaikan daripadanya.



Nama Ayah :
Muhammad Firdaus bin Lutfee
Nama Bayi :
Nur Aira Inara binti Muhammad Firdaus
Tarikh Lahir :
23 Mac 2020



Nama Ayah :
Encik Munir Hafifie bin Sabdin
Nama Bayi :
Malaika az-Zahra binti Munir Hafifie
Tarikh Lahir :
02 Mac 2020



Nama Ayah :
Saufi bin Redzuan
Nama Bayi :
Nur Zahratul Hamra' binti Saufi
Tarikh Lahir :
31 Mei 2020

Tahniah

di atas kelahiran cahaya mata baharu kepada tiga (3) orang pegawai ini:

PERKHIDMATAN ATAS TALIAN (ONLINE)

Portal JMNPP
<http://mufti.penang.gov.my>

Sistem e-Fatwa
<http://efatwa.penang.gov.my>

Sistem e-Kemusyikilan
<http://ekemusyikilan.penang.gov.my>

MEDIA SOSIAL

Facebook 
@muftipulaupinang

Youtube 
Jabatan Mufti Pulau Pinang